

"I don't Want to be a nice man," kata Dr M.

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, mengaku bahawa beliau suka bercakap secara berterus-terang — yang menyebabkannya tidak dikasih oleh setiap orang. Sama ada selaku "backbencher" Kerajaan atau sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau menyuarakan fikirannya. Tambah beliau, "Hiding things, being nice does not take one very far. There is a defect in being nice because one is very likely to be taken for granted. As far as I'm concerned, I'm not going to be nice." (Secara ringkas bermaksud, bagi diri saya, saya tidak mahu menutup mulut, semata-mata dengan tujuan menjadikan diri saya seorang "nice man." Nota: "Nice Man" dalam konteks ini adalah bermakna "orang bagus").

(Dipetik dari sebuah rencana karangan Munir Majid dari New Straits Times seperti tersiar di akhbar yang sama bertarikh Oktober 13, 1980, di bawah tajuk, "The man who speaks his mind").

Komen Penulis:

Sedihnya, Doktor, terlampau banyak manusia di sana dan di sini, yang berlumba-lumba sesama sendiri untuk memperoleh lebal "nice man," iaitu, seperti disebutkan tadi, "orang bagus." Manusia yang dimaksudkan itu bukan sahaja terdapat di antara tokoh-tokoh politik malah jua di kalangan pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Maksud mereka untuk menjadi "nice man" itu, ialah demi kepentingan peribadi semata-mata — kepentingan masyarakat dan negara, itu lain kira...

Oleh itu, pemimpin-pemimpin politik dari kategori "orang bagus" tidak akan menyuarakan pendapat atau pandangan dalam satu-satu subjek kontroversial, kerana ini akan menyebabkan mereka tidak dikasih oleh setengah-setengah pengundi. Dalam kritika yang lain, "mission" mereka di dunia ini adalah untuk menyukakan hati setiap orang, yakni, "to please everybody" dan dengan cara ini akan berterusanlah kepopuleran peribadi mereka. Dan dengan itu akan berkekalanlah pula kerusi dan kedudukan mereka...

Bagi orang-orang "bagus" di bidang perkhidmatan awam pula, mereka itu tidak akan menyuarakan apa juga pandangan atau pendapat

(walaupun positif dan membina) yang mereka anggap tidak akan menyedapkan telinga "political masters" mereka. Dan dengan cara ini mereka berharap bukan sahaja akan mengekalkan jawatan mereka, malah akan diberi kenaikan pangkat dengan cepat...

Kesimpulan:

Penulis — selaku seorang penulis pojok — bersetuju 100 peratus dengan apa yang disuarakan oleh Dr. M. tadi, kerana seorang penulis pojok tidak akan mempunyai semangat untuk menulis lebih dari seminggu, jika ia mahu dianggap ramai sebagai "orang bagus." (Tak percaya tanyalah rakan-rakan sejawat penulis bernama "Bajang" dan "Awang Selamat").



Kalau satu jatuh, yang lain tentu ikut sama...

"Langkah sekat ajaran songsang semua dakwah di-siasat" — Dr. M. Begitulah kata sebuah kepala besar muka hadapan di Berita Harian, Oktober 22, 1980. Berita di bawah kepala besar itu berkata, "Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d menegaskan bahawa Kerajaan akan menyiasat semua badan dakwah bagi memastikan mereka betul-betul berdakwah dan bukan sebagai topeng melakukakan jenayah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan boleh campurtangan dalam haleswal agama sesebuah negeri sekiranya ia melibatkan Undang-Undang Jenayah.

Komen Penulis:

"After all," mengikut Perlembagaan haleswal polis, keselamatan, pertahanan dan ketenteraman awam adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Apa akan terjadi kepada negara jika Kerajaan Pusat tidak boleh menyiasat atau mengambil tindakan dalam satu-satu kes jenayah bila orang atau organisasi yang disyaki terlibat bertindak atas nama agama — atas alasan bahawa subjek agama adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri?

Patut jua disebutkan di sini bahawa "survival," yakni, hidup-mati, sesebuah Kerajaan Negeri adalah bergantung kepada kemampuan atau kebolehan Kerajaan Pusat menjaga keselamatan negara. Kerana, jika Kerajaan Pusat yang bertempat di Wilayah Persekutuan tumbang — akibat kegiatan (di luar Perlembagaan) orang-orang pelampau dari "Sayap Ka-

nan" ataupun "Sayap Kiri" — penulis percaya Kerajaan-kerajaan Negeri "in their present form," yakni, dalam bentuk-rupa di hari ini, akan turut terguling sama!

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia